

# Sikap umat punca agama dihina

JOHOR BAHRU, Jumaat  
- Pendidikan yang terhad dan sempit serta pengabaian fardu kifayah adalah faktor nasib malang dan kehinaan yang dialami umat Islam sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, agama Islam tidak salah dan tidak boleh disalahkan, sebaliknya yang salah ialah umat Islam yang menghadkan pendidikan kepada perkara-perkara terhad.

"Segala-galanya disebabkan pendidikan terhad dan sempit yang hanya menumpukan kepada kepentingan diri di akhirat, sebaliknya tidak mengambil kira Ad-din (cara hidup) di dunia, tidak menekan fardu kifayah serta yang mentafsir fardu kifayah secara terhad dan sempit.

"Sementara fardu ain tidak boleh diabaikan, fardu kifayah juga perlu ditekankan untuk menentukan benteng Islam cukup kuat bagi mencegah perbuatan yang tidak diinginkan," katanya berucap merasmikan Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, pendidikan Islam amat luas dan tidak terhad kepada mempelajari ibadat dan hukum-hakam tertentu saja kerana ia meliputi panduan hidup dalam semua aspek untuk menjadikan Islam sebagai Ad-din.

Menurutnya, kemajuan negara dan umat yang boleh menentukan kesejahteraan hidup, memerlukan penguasaan secara mendalam pelbagai ilmu termasuk ilmu.

Beliau menegaskan, semua itu tidak boleh ditinggalkan oleh umat Islam jika mereka mahu menerima Islam sebagai Ad-din yang mereka dakwa dengan bangganya.

"Apakah kita mentakrif nasib malang dan kehinaan dialami umat Islam sebagai Ad-din. Apakah Ad-din bermakna orang Islam diserang, dibunuh, dirogol dan dihalau dari negara mereka seperti berlaku di Bosnia-Herzegovina atau di Chechnya atau di Palestin," katanya.